



Ruj. Kami : JKNS/KA/VI 734/01-05 J. D. 172)
Tarikh : 9 Ogos 2017

SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan.

PROSEDUR RUJUKAN KES SEVERE DENGUE DARI HOSPITAL SWASTA KE HOSPITAL KERAJAAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Merujuk daripada hasil Mesyuarat Jawatankuasa Audit Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil. 22/2017 yang bertarikh 3 Ogos 2017 yang dipengerusi oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Negeri Selangor, beberapa isu melioatkan pengurusan kes Denggi di Hospital Swasta telah dikenalpasti. Di antara isu adalah rujukan pesakit *Severe Dengue* ke Hospital Kerajaan yang tidak memuaskan. Senubungan itu, bagi meningkatkan kualiti rujukan pengurusan kes Denggi, berikut adalah panduan rujukan:

- i. Sebelum pesakit dirujuk ke Hospital Kerajaan, Pakar Perubatan di Hospital Swasta perlu memastikan agar semua kes yang tidak stabil / *severe* hendaklah di berikan rawatan awal yang optima sehingga pesakit sampai ke Hospital Kerajaan termasuk memastikan pemasangan 2 intravena (Size 18G).
- ii. Pakar Perubatan Hospital Swasta juga perlu berbincang terlebih dahulu dengan Pakar Perubatan *On-Call Primary Care Team* Hospital Kerajaan samada bersetuju untuk menerima kes ini atau tidak dengan mengambil kira kekosongan katil di wad / ICU.
- iii. Rujukan pesakit mestilah menggunakan perkhidmatan ambulans yang diuruskan oleh pihak Hospital Swasta agar penghantaran kes ke Hospital Kerajaan cepat di buat dengan segera.

PROSEDUR RUJUKAN KES SEVERE DENGUE DARI HOSPITAL SWASTA KE HOSPITAL KERAJAAN

- v. Pihak Hospital Swasta perlu mendokumenkan semua maklumat penting dan kritikal yang berkaitan dengan kes di dalam surat rujukan agar pihak Hospital Kerajaan dapat menilai *severity case* dan seterusnya rawatan dapat di berikan mengikut *urgency* dan *priority* kes tersebut.

3. Pihak kami memandang serius terhadap isu ini dan berharap agar Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan mematuhi garis panduan ini bagi memastikan pengurusan kes Denggi dilakukan secara berkesan.

Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HAJAH ZAILAN BINTI DATO' HAJI ADNAN) MPM: 25292

Pengarah Kesihatan Negeri,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 2 – 3 & 7, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor



Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor